

28 MAY 1997

AZMI ANGGAP PERLANTIKANNYA SATU PENGIKTIRAFAN BAGI PERLIS

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid yang dilantik timbalan menteri berkuatkuasa Sabtu ini menganggap pelantikannya sebagai satu pengiktirafan kepada negeri Perlis.

Azmi yang juga Anggota Parlimen Padang Besar berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mempunyai keyakinan dan kepercayaan menaikkan pangkatnya kepada timbalan menteri.

"Ini satu pengiktirafan kepada Perlis kerana kali terakhir seorang wakil rakyat dari negeri itu menjadi timbalan menteri ialah Datuk Radzi Sheikh Ahmad sebagai timbalan menteri dalam negeri kira-kira 10 tahun lepas," katanya.

Beliau berjanji akan melaksanakan tugas dengan sedaya upaya di samping memberi perhatian berat kepada kehendak rakyat.

Azmi dilantik Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih tempat Datuk Tajol Rosli Ghazali yang berpindah ke Kementerian Dalam Negeri menggantikan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang dilantik menteri penuh.

Rombakan kecil kabinet itu diumumkan Anwar di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini. --BERNAMA

ARA WAT